

Headline Gerai Majlis Aids dapat sambutan
Date 21 Oct 2010
MediaTitle Harian Metro
Section Setempat
Journalist N/A
Frequency Daily
Circ / Read 324,097 / 1,981,000

Language Malay
Page No 16
Article Size 167 cm²
Color Full Color
ADValue 4,802
PRValue 14,406



Gerai Majlis Aids dapat sambutan

KUALA LUMPUR: Gerai pameran Majlis Aids Malaysia (MAM) yang dibuka khusus untuk Perhimpunan Agung Umno 2010 menarik perhatian pengunjung apabila seorang artis yang dilantik sebagai Selebriti Sokongan Riben Merah muncul di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, semalam.

Kehadiran Datin Paduka Umi Khaltum Rahmat Ali atau Umie Aida yang dilantik sebagai jurucakap selebriti bagi MAM sejak setahun lalu untuk berkongsi maklumat dengan pengunjung Karnival Kesihatan mengenai bahaya Aids dan HIV.

Meskipun kebanyakan pengunjung, lebih-lebih lagi Wanita dan Puteri hadir untuk bergambar bersama ikon seni itu, mereka sempat di-



PRIHATIN...Umie Aida (tengah) mengutip derma sempena Kempen Kesedaran Aids, semalam.

dedahkan maklumat penting pencegahan virus berbahaya itu daripada terus menular dalam masyarakat.

Umie, 37, berkata, dia tidak keberatan menghadiri jem-

putan MAM berikutan sedar tanggungjawabnya berat sejak dilantik selebriti sokongan selain perlu menyedarkan masyarakat mengenai Aids dan HIV serta soko-

ngan diperlukan untuk mangsa.

“Kehadiran saya di sini untuk memberi sokongan kepada MAM, malah menjadi tanggungjawab saya untuk menerangkan kepada masyarakat bahawa HIV dan Aids tidak merebak menerusi sentuhan.

“Selain itu, saya juga menyeru masyarakat supaya menghentikan stigma dan diskriminasi kepada pesakit sebaliknya kita perlu memberi sokongan kepada mangsa penyakit berbahaya ini,” katanya.

Umie berkata, peluang menjadi jurucakap MAM itu dimanfaatkan sepenuhnya bagi membantu meringankan beban pesakit dan dia ternyata puas serta gembira kerana dapat berbakti kepada masyarakat.